



TERIMA AKIBAT: Tertuduh (tengah) diiringi Fadini (kiri) dan anggota polis keluar dari kamar Mahkamah Sesyen, Kuching semalam selepas dijatuhkan hukuman.

Sumbang mahram: Pelajar tahun akhir IPTA dipenjara 15 tahun dan lima sebatan

KUCHING: Mahkamah Sesyen di sini, semalam menjatuhkan hukuman penjara 15 tahun dan lima sebatan terhadap seorang lelaki berusia 24 tahun yang melakukan sumbang mahram terhadap adik perempuannya, 23, sehingga mangsa melahirkan anak lelaki.

Hakim Musli Ab Hamid memerintahkan hukuman penjara ke atas penuntut tahun akhir sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) itu untuk dikuatkuasakan mulai tarikh tangkapannya iaitu 28 Februari 2026.

Tertuduh mengaku bersalah sebaik didakwa mengikut Seksyen 376B(1) Kanun Keseksaan kerana perhubungan yang tidak dibenarkan mengikut undang-undang dan hukum agama untuk berkahwin.

Seksyen berkenaan memperuntukkan hukuman penjara minimum 10 tahun dan maksimum 30 tahun serta hendaklah disebat.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan persetubuhan dengan adik kandungnya itu di sebuah flat di Jalan Matang di sini pada 14 November 2024.

Sumbang mahram: Pelajar tahun akhir IPTA dipenjara 15 tahun dan lima sebatan

► Dari Muka 1

Berdasarkan fakta kes, seorang doktor (pengadu) klinik kesihatan di kawasan Kota Samarahan telah menerima seorang pesakit berusia 23 tahun (mangsa) yang mengalami sakit perut pada 15 Ogos 2025 sekitar jam 10.30 pagi.

Pemeriksaan dilakukan dan mangsa didapati mengandung dengan usia kandungan antara 37 dan 39 minggu.

Setelah disoal pengadu, mangsa menyatakan bahawa dia telah melakukan hubungan seks dengan abang kandungunya sendiri (tertuduh).

Susulan itu, pengadu membuat laporan polis dan tertuduh seterusnya ditangkap pada 28 Februari 2026.

Semasa rayuan pengurangan hukuman, anak sulung

yang tidak diwakili peguam itu menyatakan bahawa ini merupakan kesalahan pertamanya dan memohon hukuman diringankan.

Tertuduh turut memaklumkan kepada mahkamah bahawa dia kini berada di semester akhir pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda.

Timbalan Pendakwa Raya Asmawi Nur Haqim Mokhtar bagaimanapun memohon hukuman setimpal dan bersifat pencegahan sebagai pengajaran kepada tertuduh serta masyarakat agar tidak melakukan kesalahan sama pada masa hadapan, selain mengambil kira kepentingan awam dan tahap keseriusan kesalahan itu.

Kes disiasat oleh Inspektor Mohammad Fadini Noni.